

55

ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN DI DALAM ADAT PERPATIH  
Satu Kajian Terhadap Adat-istiadat Lama Yang Kini Sudah  
Tidak Diamalkan Lagi (Tumpuan Kajian Terhadap  
Masyarakat Adat Perpatih Di Kampung  
Tengah, Rembau, Negeri Sembilan)

MOHAMMAD BIN LEBAI SALAM  
14260

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSLAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG  
SIDANG 1988/1989

**ARKIB**

rb  
fAC895  
M22M955

hadiah buat ibuku

dan

istimewa  
untuk  
Nurul Hidayah

### Biodata Penulis.

Dilahirkan pada tanggal 22 Mei 1958. Mendapat pendidikan awal di Sek. Keb. Chengkau, Rembau, Negeri Sembilan pada tahun 1965. 1971 meneruskan pengajian di Sek. Datuk Sedia Raja, sehingga mendapat kelulusan SPM 1975. 1976 melanjutkan pelajaran di Sek. Tunku Ampuan Durah, sehingga lulus sijil penuh STP. 1978 menuntut pula di Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Setelah tamat latihan di maktab perguruan, bertugas sebagai guru Bahasa Malaysia, Sejarah dan Geografi. Pernah bertugas di Sek. Tinggi Datuk Undang Musa Al-Haj, Jelebu, Negeri Sembilan, Sek. Men. Datuk Sedia Raja, Rembau, Negeri Sembilan dan Sek. Men. Tunku Besar, Tampin, Negeri Sembilan.

Julai 1985 melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia, dengan mengikuti kursus Ilmu Kemanusiaan, dengan pengkhususan utama (major) di bidang Sejarah dan pengkhususan kecil (minor) di bidang Pengajian Islam.

ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN DI DALAM ADAT PERPATIH :

Satu **Kajian** Terhadap Adat-istiadat Lama **Yang** Kini  
Sudah Tidak Diemalkan Lagi (Tumpuan Kajian Terhadap  
Masyarakat Adat Perpatih Di Kampung Tengah, Rembau,  
Negeri Sembilan)

OLEH : Mohammad b. Lebai Salam.

NO. MATRIK : 14260.

Satu kajian untuk memenuhi syarat pengkhususan Sejarah  
(HSM 411/412 : Dokumen-dokumen Dalam Sejarah Malaysia)  
bagi pengijazahan Sarjana Muda Sasters dalam Pusat  
Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,  
sidang 1988/1989.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG.

## Pendahuluan.

Masyarakat Melayu tradisi di Malaysia ini secara umumnya terikat kepada dua bentuk adat, iaitu Adat Temenggung dan Adat Perpatih. Antara dua adat tersebut, Adat Perpatihlah yang selalu mendapat perhatian masyarakat kerana ia hanya diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan daerah Alor Gajah (dahulu Naning) Melaka. Banyak ciri-ciri perbezaan yang didapati diantara kedua-dua adat tersebut.

Perbezaan yang nyata ialah dari segi politik dan pentadbiran, sistem ekonomi terutama tentang pembahagian harta pusaka dan juga sistem sosial terutama di dalam hal-hal yang menyentuh tentang kedudukan wanita dan istiadat perkahwinan. Para ilmuan telah banyak membuat kajian terhadap pengamalan Adat Perpatih, tetapi masih terlalu kurang kajian terhadap pelaksanaan adat-istiadat perkahwinannya. Menyedari akan hakikat ini maka saya memelihat adat-istiadat perkahwinan sebagai kajian dengan tumpuan khusus terhadap pelaksanaannya di Kampung Tengah, Rembau, Negeri Sembilan (kini dikenali sebagai Kampung Chengkau Hulu).

Sesungguhnya adat-istiadat ini tidaklah dapat ditentukan bilakah pupusnya, tetapi melalui wawancara dengan beberapa orang penduduk yang tua-tua, boleh diagakkan telah mula pupus dan lenyap setelah Inggeris mula bertapak di akhir abad ke 19 dan kemunculan gerakan Reformis Islam di awal abad ke 20.

Semoga dengan kajian ini akan mendatangkan manfaat kepada generasi muda sekarang dan akan datang.